

Gagal SPM bukan bererti kecundang dalam hidup

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sudah diumumkan. Sekalung tahniah diucapkan kepada yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang. Bagi yang kurang cemerlang ini bukan titik noktah dalam kehidupan tetapi satu 'check point' ke arah yang lebih cemerlang pada masa akan datang. Gagal sekali bukan bermakna gagal selamanya. Tidak ada yang tidak pernah merasa gagal dalam kehidupan.

Segala apa keputusan diperolehi itu bukanlah penentu sega-

lanya. Tidak mustahil gagal SPM tidak boleh menjadi orang penting pada masa hadapan dan ingatlah bahawa bukan semua yang berjaya ketika SPM itu akan berjaya selamanya malah ada juga yang kecundang di tengah jalan jika tidak meneruskan momentum yang sama ketika SPM disebabkan terlalu sibuk dengan hal lain yang tidak berkaitan.

Mungkin ada yang mendapat keputusan kurang cemerlang tidak mendapat tempat di universiti awam (UA) kerana tempat terhad, tetapi jangan berasa ke-

cewa kerana bukan hanya UA sahaja tempat untuk kita meneruskan pengajian malah terdapat pelbagai lagi institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus yang boleh diikuti.

Platform teruskan pengajian

Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) juga boleh dijadikan platform meneruskan pengajian hingga ke peringkat tertinggi.

Berhenti belajar selepas SPM adalah keputusan yang merugikan kerana masih terdapat banyak peluang untuk meneruskan

pengajian walaupun gagal pada peringkat SPM.

Jangan mudah berputus asa kerana orang yang mudah berputus asa itu adalah orang yang tidak yakin akan kebolehan diri sendiri. Telah terbukti ramai yang berjaya walaupun tidak belajar di UA.


Apa yang penting, kita hendaklah ikhlas mendapatkan ilmu walau di mana sahaja kita belajar serta teruskan berusaha sehingga mencapai kecemerlangan.

Dalam hidup ini, ibu bapa adalah orang yang paling penting kerana mereka yang membesar-

kan kita. Ibu bapa jugalah orang yang bersusah payah mencari rezeki dan menyediakan segala kelengkapan serta menghantar kita untuk menuntut ilmu.

Sebagai anak, kita hendaklah menjadikan mereka sebagai 'role model' untuk meneruskan kehidupan walaupun pernah gagal.

Mereka tidak pernah berputus asa membesarkan kita. Jadi, untuk membalas jasa mereka kita hendaklah belajar bersungguh-sungguh. Selepas berjaya, kita boleh memenuhi segala keperluan ibu bapa dan pastinya mereka bangga dengan kita.

 **Nur Ain Nadia Ibrahim,**
Universiti Sains Islam Malaysia.